

**EKSPLORASI KAYU JAMBU LAUT & POLYFLOR SEBAGAI MEDIUM  
ALTERNATIF DALAM PROSES PENGKARYAAN SENI CETAK TIMBUL**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM SELANGOR  
MALAYSIA**

**OLEH:**

**AHMAD NOOR RASHIDI B. MOHD SALLEH**

**DISEMBER 2006**

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Prof. Madya Hj. Ponirin Amin

Prof. Madya Zakaria Awang

En Hanif Hj Khairi

Pensyarah - Pensyarah & Juruteknik Jabatan Seni Halus

dan

Semua rakan seperjuangan di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Universiti Teknologi MARA Kelantan,yang telah memberikan kerjasama dan  
sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Tajuk Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Surat Penyerahan Laporan</b>	i
<b>Daftar Penyelidik</b>	ii
<b>Penghargaan</b>	iii
<b>Isi Kandungan</b>	iv
<b>Abstrak</b>	vi
<b>Bab 1 Pendahuluan</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Penyelidikan	3
1.3 Kepentingan Penyelidikan	3
1.4 Pernyataan Masalah	4
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Batasan Kajian	5
1.7 Soalan Kajian	5
<b>Bab 2 Kajian Literatur</b>	
2.1 Seni Dan Keindahan	6
2.2 Akar Umbi Seni Cetak	8
2.3 Cetakan Kayu Jepun : Ukiyo-E	9
2.4 Seni Cetak Kreatif :Perkembangan & Visi	11

## **Abstrak**

Seni cetak timbul adalah salah satu dari cabang dalam teknik teknik penghasilan karya seni dalam bidang Seni Halus. Seni Cetak juga adalah satu cabang yang sangat memerlukan disiplin yang tinggi. Penyelidikan yang berteraskan praktikal ini bermatlamat untuk menghasilkan karya seni cetak timbul yang menggunakan bahan alternatif selain dari penggunaan kayu papan lapis atau linoleum yang biasa digunakan dalam penghasilan karya seni tersebut. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan dua bahan iaitu bahan dari alam semulajadi dan bahan sintetik, bahan buatan manusia. Bahan alam semulajadi adalah dari jenis kayu jambu laut, dan bahan sintetik pula adalah sejenis bahan yang digunakan untuk menutup lantai iaitu "polyflor".

Penyelidikan ini terbahagi kepada dua bahagian besar iaitu bahagian teori dan praktikal. Teori akan membincangkan tentang sejarah dan tradisi seni cetak timbul (ekspresi idea) dan perkembangannya. Bahagian praktikal pula berlakunya proses perkembangan idea, eksperimentasi penyelidik terhadap dua bahan utama tadi dan seterusnya proses penghasilan karya seni cetak kreatif. Terhasilnya penyelidikan ini diharap dapat meluaskan lagi sempadan kreativiti khasnya dalam penghasilan karya seni cetak kreatif, dan bidang seni halus itu sendiri secara umumnya.

## **BAB 1**

### **Pendahuluan**

#### **1.0 Pengenalan**

Seni Cetak adalah salah satu dari cara yang paling lama yang digunakan manusia untuk membuat ekspresi tentang sesuatu, bermula daripada usaha-usaha dalam membuat kesan atau jalinan keatas suatu permukaan. Kesan imej dari permukaan itu di salin keatas kertas dengan menggunakan medium dakwat sebagai agen duplikasi imej dari permukaan (atau dipanggil blok dalam istilah Seni Cetak). Penghasilannya yang bersifat indirect memerlukan pengalaman, kemahiran, ketelitian dan kesabaran yang tinggi bagi memastikan kesan optimum diperolehi.

Walaubagaimanapun, seperti juga bentuk seni lain, seni cetak menyalurkan kreativiti, ekspresi individu pelukis, emosi serta soal-soal estetika. Menurut Mohamed Ali Abdul Rahman (1991), kebolehan kreativiti dan ekspresi kendiri merupakan naluri dan gerak hati yang telah wujud dalam diri seseorang sejak ia dilahirkan ke dunia. Ia merupakan imej dan impressi yang terpendam dalam pemikiran kanak-kanak. Ekspresi kendiri ini wajar dipupuk agar suatu generasi yang lebih kreatif dan dinamik akan lahir dalam abad akan datang.

Melalui penyelidikan ini, penyelidik mengetengahkan persoalan dan pengkajian peluahan ekspresi seni melalui seni cetak timbul dengan mendokumentasikan proses-proses pembentukan karya dari idea kepada karya siap. Penyelidik juga membuat percubaan penggunaan polyflor, satu bahan sintetik ciptaan manusia yang digunakan sebagai lapisan untuk menutup lantai. Selain itu penyelidik juga mengetengahkan penggunaan kayu jambu laut sebagai permukaan menghasilkan cetakan. Tujuan kajian bukan untuk menidakkan penggunaan linoleum (walaupun sebenarnya kini agak sukar untuk didapati) atau bahan mudah didapati iaitu papan lapis, tetapi penyelidik cuba meluaskan lagi sempadan penggunaan bahan yang boleh digunakan dalam konteks penghasilan seni cetak timbul. Sebagai tenaga pengajar dalam bidang seni cetak, adalah menjadi kewajipan penyelidik untuk mencari sesuatu untuk perkembangan seni cetak itu sendiri walaupun ia hanya